



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

KHAMIS / 29 NOVEMBER 2018

- 1. NAFAS TAWAR HARGA DISKAUN**
 - **UTUSAN MALAYSIA**
- 2. LEMBU WAGYU JADI TARIKAN**
 - **UTUSAN MALAYSIA**
- 3. LKIM RAYU SEMULA STRUKTUR ELAUN**
 - **HARIAN METRO**
- 4. BERNAS PAMER 20 JENIS BERAS TEMPATAN**
 - **UTUSAN MALAYSIA**
- 5. AGRO PELANCONGAN GAMIT PENGUNJUNG**
 - **SINAR HARIAN**

DISEDIAKAN OLEH :

CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT

(MADA)

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 29 NOVEMBER 2018

PERKARA : PERTANIAN

NAFAS tawar harga diskaun

KUALA LUMPUR 28 Nov. - Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) menawarkan diskaun antara 30 hingga 40 peratus bagi produk-produk mereka sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Antarabangsa (MAHA) 2018 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), dekat sini.

Pengurus Bahagian Pemasarannya, Faizah Jamaludin berkata setiap hari sepanjang MAHA, terdapat waktu-waktu tertentu pihak NAFAS akan mengadakan waktu *happy hour* yang mana produk-produk pertubuhan itu dijual dengan harga lebih rendah.

Beliau berkata langkah itu diambil bukan sahaja untuk menarik lebih ramai pengunjung ke pavilion NAFAS, malah secara tidak langsung dapat memberi input kepada orang ramai mengenai produk-produk hasil jenama 'Peladang' yang dikeluarkan pertubuhan itu.

"Masa *happy hour* memang murah betul, terutama pes pelbagai masakan, empat bungkus hanya RM10. Memang kita beri harga yang berpatutan kepada pengunjung," katanya kepada *Bernama* ketika ditemui di MAHA, baru-baru ini.

Orang ramai boleh berkunjung ke Pavilion Nafas yang terletak di Dewan A, Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) dan seharusnya tidak melepaskan peluang mendapatkan produk-produk Peladang dengan harga yang rendah di pasaran pada waktu *happy hour* tersebut.

Faizah berkata, dalam segmen makanan, ada beberapa kategori produk seperti cip buah-buahan yang dihasilkan daripada bekalan segar terus dari ladang terpilih turut dipasarkan. - BERNAMA

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 29 NOVEMBER 2018

PERKARA : PERTERNAKAN

Lembu Wagyu jadi tarikan

Oleh MOHAMAD HAFIZ
YUSOFF BAKRI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 28 NOV.

LEMBU Wagyu yang buat pertama kalinya berjaya dilahir dan dibesarkan di negara ini mencuri tumpuan pengunjung serta menjadi satu tarikan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Antarabangsa (MAHA) 2018.

Lembu baka berharga lebih RM30,000 seekor itu bukan sahaja memiliki saiz seakan-akan lembu 'sado', tetapi turut dilayan dan dimanjakan sama seperti manusia termasuk dari aspek pemakanan serta kesihatan.

Pengerusi Eksekutif Colla Cattle Farm, Datuk Amirul Rahman Abdul Rahim berkata, semua lembu yang mempunyai berat lebih 400 kilogram itu perlu dijaga rapi dan tidak boleh dibiarkan dalam keadaan tekanan untuk menjaga kualit-



GOLONGAN kanak-kanak teruja memegang lembu Wagyu di Colla Cattle Farm sempena Pameran Pertanian Hortikultur dan Agro Pelancongan Antarabangsa (MAHA) 2018 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor, semalam. - UTUSAN/AZLAN HADI ABU BAKAR

inya.

"Rasa dan struktur daging dipengaruhi kesihatan, pemakanan dan keadaan lembu. Semua lembu ini mampu mencapai berat sehingga satu tan jika dijaga dan diberi makanan

berkhasiat. Kos untuk membesarkan lembu ini bagi tempoh tiga tahun juga mahal iaitu mencecah RM30,000.

"Sebab itu harga setiap kilogram mengikut bahagian ada mencecah ribuan ringgit. Kami juga perlu sen-

tiasa membuat pemeriksaan kesihatan terhadap semua lembu yang dibawa untuk memastikan haiwan ini dalam keadaan baik dan tidak demam," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di MAHA 2018, dekat sini hari ini.

KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 29 NOVEMBER 2018

PERKARA : PERIKANAN

LKIM rayu semula struktur elaun

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) berharap bajet tambahan bagi membolehkan penstrukturan semula bantuan kepada nelayan sekali gus menampung keperluan semasa mereka.

Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil berkata, pihaknya melalui Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub menetapkan hala tuju baru dan sudah pasti memerlukan bajet tinggi untuk memberi impak positif kepada nelayan.

"Kita sekarang dalam proses rayuan supaya usaha menstruktur semula elaun bantuan dapat dilaksanakan bagi meningkatkan kehidupan nelayan dan keluarga.

"Apabila peruntukan tambahan diluluskan... sudah pasti kita melalui LKIM dapat memberi

manfaat sepenuhnya kepada nelayan maka kita akan menilai semua elaun untuk nelayan," katanya yang ditemui selepas melakukan lawatan kerja di Pasar Nelayan Seberang Kota, Kuala Kedah di sini, semalam.

Presiden PKR yang juga Ahli Parlimen Port Dickson, Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa kerajaan terus membantu golongan petani, nelayan, peladang dan pekebun kecil susulan pemotongan insentif terbabit menerusi Belanjawan 2019.

Bulan lalu, Salahuddin berkata beliau akan bertemu Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng untuk menerangkan keperluan semasa kementerian untuk memenuhi keperluan rakyat khususnya golongan sasar.



MUHAMMAD Faiz (kiri) melihat pukot yang digunakan nelayan ketika melawat Pasar Nelayan Seberang Kota, semalam.

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 29 NOVEMBER 2018

PERKARA : PERTANIAN

50 variasi beras tempatan di MAHA

PADIBERAS Nasional Berhad (BERNAS) sekali lagi menyertai pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro (MAHA) 2018 di ruang pameran A214 di Dewan A dan juga di Laman Padi di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS).

Pameran dwi-tahunan yang masih mengekalkan tema "Makanan Kita, Masa Depan Kita" akan diadakan selama 11 hari, bermula dari 22 November sehingga 2 Disember 2018 di MAEPS.

Dalam satu kenyataan media, pada penganjuran tahun ini, BERNAS akan memperkenalkan lebih 50 variasi beras tempatan dan juga beras dari negara-negara serantau.

Antara jenis beras yang akan dipamerkan termasuklah 20 jenis beras tempatan dari Sabah dan Sarawak serta 30 jenis beras – beras dari negara Indonesia, Thailand, Kemboja, Myanmar, Vietnam, Korea Selatan, Jepun, India, Pakistan dan juga Bangladesh.

Ruang pameran ini juga akan dijadikan platform perkongsian maklumat menarik mengenai tugas dan tanggungjawab BER-

NAS dalam membangunkan industri padi dan beras negara seperti Skim Pengilang Bumiputera, Pengurusan Pengagihan Subsidi Harga Padi, Pemutuan Padi dan maklumat beras plastik.

Pelbagai aktiviti menarik seperti 'Wheel of Possibility', pertandingan Badang dan juga pertandingan menganggar berat beras akan turut diadakan di ruang pameran ini. Tambah menarik, hadiah bekalan beras selama setahun juga bakal dibawa pulang oleh pengunjung yang bertuah.

Selain itu, Laman Padi juga akan dimeriahkan dengan penyediaan

juadah bubur lambuk yang amat sinonim dengan BERNAS ketika pameran MAHA dijalankan.

Menariknya tahun ini, bubur lambuk yang disediakan akan menggunakan pelbagai jenis beras seperti beras merah, beras putih tempatan, beras perang, beras wangi dan lain-lain lagi.

Tidak hanya tertumpu kepada juadah bubur lambuk, BERNAS juga menyediakan beberapa jenis makanan lain yang berasaskan beras seperti Putu Mayam, Inang-inang, Pongal dan juga bubur Congee kepada pengunjung di Laman Padi.



BERNAS
PADIBERAS NASIONAL BERHAD

6

KHABAR 29 NOVEMBER 2018 • URAH KAHARU

SEMPENA MAHA 2018 MAHA 2018

REAKSI

MAHA 2018 platform terbaik untuk orang ramai dapat ilmu dan pengalaman berkesan bidang pertanian, perikanan dan kehutanan. Saya tak epaskan peluang berkunjung ke MAHA setiap tahun dan pengalaman serta ilmu dipelajari dapat dikongsi bersama rakan lain yang tidak mempunyai rombongan." - Mohd Kadhim, 55, Lembah

Siti Azeleah Wahi

SERDANG

Orang ramai yang berkunjung di Pameran Pertanian, Hortikultura dan Pelancongan Agro Antarabangsa 2018 (MAHA2018) diundang ke Kampung Pulau Pisang di Kluster AgroPelancongan yang sarat dengan pelbagai aktiviti menarik berlokasi di Hall A, Maeps, di sini.

Berpeluang menikmati suasana desa dengan seni bina rumah Kedah, pengunjung yang berminat kampung halaman berasaskan kedah berada di desa sebenar dengan latar belakang sawah padi dan sistem talir air.

Saya sangat suka berkunjung ke program pameran seperti ini kerana berpeluang melihat dan membeli hasil-hasil pertanian yang berkualiti dengan harga lebih murah, berbanding di pasaran luar." - Jamilah Tamrin, 63, Batu Pahat

Orang ramai menikmati pelbagai menu kampung di Warung Ulu Sedaka.

Orang ramai mengunjungi Kampung Pulau Pisang di Kluster AgroPelancongan oleh MADA sempena MAHA2018.

AgroPelancongan gamit pengunjung

DAYA TARIKAN DI KLUSTER AGROPELANCONGAN MAHA 2018

- CHARUK PELANCONG** Pengunjung berpeluang menyaksikan demonstrasi penghasilan kerusi daripada serat tenun dan juga seni, pameran seni dan talir.
- BERSEKUTU MAMPU** Mengambil semangat semangat MAMPU yang menjadi agenda keaktifan warga Melayu, Subkhan Health & Beauty diwujudkan sebagai ruang MAMPU dan menawarkan pelbagai rangkaian produk kecantikan dan kesihatan daripada sumber semulajadi. Serbuk madu kelulut, ginkgo, herba dan Jelit of Borneo.
- WASCONO ULU SEDAKA** Ulu Sedaka merupakan sebuah kampung yang terletak di daerah ini dalam negeri Kedah Darul Aman. Destinasi Ulu Sedaka menjadi pilihan pengunjung bagi menikmati suasana alam semula jadi yang diapresiasi dengan pelbagai menu sarapan pagi, tengah hari dan petang.
- SELANGANGAN RASMI MERDEKA** Galangang Perak Merdeka dapat sebagai tema subkategorinya. Reka bentuk untuk aktiviti pameran tradisional seperti permainan congkak, gasing dan tarik serta dan lain-lain.
- PELANCONG GUMUKU KEDAH** Pelancongan Gunung Berang digalakkan bagi subkategorinya. AgriCulture yang menyajikan pelbagai persembahan kebudayaan masyarakat Malaysia.
- PETTING ZOO** Menyediakan pelbagai jenis ternakan seperti ayam, kambing, ayam belanda, kambing hitam dan lain-lain.

Fouzi menunjukkan bahan-bahan rujukan AgroPelancongan yang dipamerkan.

Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Datin Fozzi Ali berkata, konsep ala kampung tradisional Kedah adalah sinergi konsep yang ditampilkan dalam pameran MAHA2018, berbanding konsep moden yang terdapat di kluster lain dalam pameran dwi tahunan tersebut.

"Pengenjur dapat merasai suasana sebenar di rumah tradisional Kedah dengan seni bina asli, selain pelbagai aktiviti menarik bermula jam 10 pagi hingga 10 malam sepanjang MAHA2018 berlangsung.

"Ia pasti menggamit kerinduan warga kota, lebih-lebih lagi dengan beberapa menu utama yang dijual di Warung Ulu Sedaka yang menyediakan aneka makanan tradisional seperti pulut ikan pekasam, pekasam dimakan bersama galai ikan, ubi kayu rebus bersama kelapa parut, nasi bergali dan nasi sangkaya," katanya.

Selain itu katanya, minuman air tina, kopi Allegato, dengan campuran ekstrak vanilla dari minuman jus mangga juga serasi dapat permintaan pengunjung daripada pengunjung.

Malah, pelbagai aktiviti menarik disediakan seperti mewarna seramik, catting batik, membuat kraf tangan, memarah dan beberapa permainan tradisional yang menggabungkan tarikan-tarikan dalam AgroPelancongan di negara ini.

"Sepanjang tujuh hari berlangsung, kluster AgroPelancongan mencatatkan jumlah pengunjung seramai 40,000 orang," katanya.

Mengulas senario AgroPelancongan di negara ini, Fouzi berkata, ia adalah salah satu industri yang diberi perhatian oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MARA).

Memerutnya, ia adalah sub sektor pelancongan bertitikaskan aktiviti pertanian, perikanan, persembakan dan industri asas tani yang boleh dibina dengan serta merta yang boleh dibina dengan serta merta yang mampu meransang pendapatan peladang, seterusnya menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Katanya, secara tidak langsung AgroPelancongan juga menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat.

Pengunjung mengambil peluang menyertai aktiviti mewarna dan mencantik butik di Charuk Pelancong.